



**PERANAN BAPA DALAM KELUARGA: KAJIAN TERHADAP
NABI YA'QUB DALAM SURAH YUSUF**

**[THE ROLE OF FATHERS IN THE FAMILY: A STUDY ON
THE PROPHET YA'QUB IN SURAH YUSUF]**

MARIAM NABILAH MOHD NOOR,¹ MOHD SHAFIEE HAMZAH¹ & FATIMAH ZAHARAH ISMAIL^{1*}

1* Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Correspondent Email: kashfizati98@gmail.com

Received: 1 January 2023

Accepted: 7 January 2023

Published: 2 February 2023

Abstrak: Dalam membina keluarga, pasti ada masalah atau konflik yang timbul dan perlu diselesaikan dengan cara yang baik. Tidak dinafikan, peranan seorang bapa dalam menyelesaikan isu konflik keluarga sangat penting sebagaimana yang telah digambarkan dalam surah Yusuf melalui dialog antara Nabi Ya'qub dengan anak-anaknya. Justeru, kertas kerja ini bertujuan mengkaji peranan bapa dalam keluarga yang dipraktikkan oleh Nabi Ya'qub a.s. dalam menghadapi konflik keluarga baginda. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan. Analisis data menggunakan pendekatan deskriptif. Sampel kajian melibatkan ayat-ayat al-Quran dalam Surah Yusuf yang berkaitan peranan Nabi Ya'qub a.s sebagai bapa. Dapatan kajian menunjukkan bapa memainkan peranan yang penting dalam menangani konflik keluarga melalui komunikasi yang baik, nasihat yang berguna, cinta dan sayang, kesabaran, tawakal, tidak putus asa, mengadu kesulitan dan kesusahan hanya kepada Allah, menghindari dan menjaga konflik, pemaaf dan pelindung terhadap keluarga. Implikasi kajian ini dapat menengahkan model bapa mithali Qurani dalam menangani cabaran kehidupan kontemporari.

Kata kunci: Peranan, Nabi Ya'qub, konflik.

Abstract: In raising a family, there will inevitably be problems or conflicts that must be resolved in a positive manner. The role of fathers in resolving family conflict issues is undeniably important, as described in Surah Yusuf through Prophet Ya'qub's dialogue with his children. Therefore, this paper aims to analyse the role of fathers in a family as exemplified by Prophet Ya'qub a.s. when facing his family's conflict. This study is a qualitative study with emphasis on content analysis. A descriptive approach is used for data analysis. The study sample consists the Quranic verses from Surah Yusuf related to Prophet Ya'qub's role as a father. This study indicates that fathers play an important role in resolving family conflicts through good communication, useful advice, love and affection, patience, reliance, not giving up, complaining of difficulties and hardships only to God, avoiding and managing conflicts, forgiving, and being protective of family. The implication of this study highlights Quranic model of mithali father in dealing with contemporary life challenges.

Keywords: Father's Role, Prophet Ya'qub, Conflict.

Cite This Article:

Mariam Nabilah Mohd Noor, Mohd Shafiee Hamzah & Fatimah Zaharah Ismail. 2023. Peranan Bapa dalam Keluarga: Kajian Terhadap Nabi Ya'qub dalam Surah Yusuf [The Role of Fathers in The Family: A Study on The Prophet Ya'qub in Surah Yusuf]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(1), 26-40.

PENGENALAN

Dalam syariat Islam, seorang suami merupakan pemimpin atau *qawwam* dalam keluarga. Seorang suami selaku bapa adalah ketua keluarga yang bertanggungjawab memberi nafkah, kasih sayang, perlindungan, pendidikan dan bimbingan kepada anak-anak dan isteri (Ratna Roshida&Nik Haslinda, 2007; Adnan Hasan, 1991). Peranan dan tanggungjawab sebagai seorang bapa dalam sesebuah keluarga adalah sangat penting terutama memimpin dan membimbing keluarga ke jalan yang direcai Allah SWT. Menurut Zulkifli al-Bakri (2010) menyatakan bahawa Allah SWT telah menganugerahkan potensi kepemimpinan kepada lelaki seperti keberanian, kekuatan agama, akal, rasional, tidak mudah didorong oleh perasaan, manakala wanita pula berjiwa sensitif dan mudah tersinggung. Sehubungan itu, beliau berkewajipan untuk menguruskan keluarga serta mengatasi konflik yang timbul dalam keluarga dengan cara yang terbaik sesuai dengan potensi dan penghormatan yang diberikan.

Al-Quran banyak menggambarkan bagaimana peranan ayah dalam mendidik anak-anak. Kisah para Nabi dan orang-orang soleh dalam al-Quran sangat berkaitan dengan pendidikan pada anak dalam menyelesaikan konflik keluarga. Salah satu darinya adalah kisah Nabi Ya'qub dengan anak-anaknya. Nama Ya'qub disebut sebanyak 16 kali dalam al-Quran (al-Baqiy, t.th). Nabi Ya'qub a.s memiliki 12 orang anak yang disebut dengan sebutan *asbath* (keturunan Yaqub). Nabi Ya'qub mempunyai 2 orang isteri iaitu Rahiil dan Laya. Nabi Yusuf a.s dan Bunyamin lahir dari Rahiil, manakala saudara-saudaranya yang lain lahir daripada Laya. Di antara semua anaknya, Nabi Yusuf a.s adalah anak yang paling tinggi kedudukannya, bertakwa dan memiliki hati yang bersih, di samping paling muda umurnya. Oleh yang demikian, Nabi Ya'qub a.s memberi perhatian dan kasih sayang lebih kepada Baginda. Hal ini sudah menjadi lumrah bagi seorang ayah mempunyai perasaan sayang yang mendalam kepada anak yang paling kecil sehingga dewasa atau anak yang sakit sehingga sembuh. Nabi Ya'qub a.s adalah seorang ayah yang harus dijadikan teladan kerana Baginda mendidik anak-anaknya dengan pendidikan yang baik, memberi nasihat dan menyelesaikan masalah mereka (Departemen Agama Republik Indonesia 2002).

LATAR BELAKANG SURAH YUSUF

Surah Yusuf adalah surah yang kedua belas (12) daripada susunan surah-surah dalam al-Qur'an. Surah ini mengandungi seratus sebelas ayat (111) dan tergolong dalam kelompok surah Makiyyah. Allah s.w.t menceritakan secara khusus kisah Nabi Yusuf dalam Surah tersebut, manakala di luar surah, nama Nabi Yusuf a.s. disebut hanya dua kali sahaja iaitu dalam Surah al-An'am ayat yang ke-84 dan Surah Ghafir ayat ke-34 (al-Sabuni, 1996). Kisah Yusuf a.s adalah kisah yang paling indah (Zulkarnain, 2003) seperti mana yang telah dijelaskan dalam awal surah Yusuf:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ ۝ ٣

Mafhumnya: Kami menceritakan kepadamu kisah yang paling baik dengan mewahyukan Al Quran ini kepadamu, dan Sesungguhnya kamu sebelum (kami

mewahyukan) nya adalah Termasuk orang-orang yang belum mengetahui. “. (Yusuf; 3).

Menurut para ulama’, “kisah yang paling baik” dalam ayat tersebut merujuk kepada perbezaan kisah Nabi Yusuf a.s yang mempunyai banyak hikmah dan teladan berbanding kisah-kisah nabi yang sebelumnya. Selain itu, Nabi Yusuf digambarkan seorang yang sangat penyabar dan bijak mendahului saudara-saudaranya yang lain. Dalam kisah ini juga menyebutkan tentang orang-orang mulia seperti para Nabi dan orang-orang soleh di samping setiap watak dalam kisah tersebut bertujuan untuk memperoleh kebahagiaan (Ahmad Bahjat, 2008)

Di dalam kisah Nabi Yusuf a.s ini, Allah swt menunjukkan akibat yang baik daripada sifat kesabaran dengan memberi kesenangan selepas penderitaan. Allah swt menguji Nabi Ya’qub as dengan kehilangan puteranya Yusuf as dan penglihatannya, menguji ketabahan dan kesabaran Yusuf as apabila terpisah dari ibu bapanya, dibuang ke dalam sumur dan diperdagangkan sebagai hamba. Kemudian Allah swt menguji imannya melalui godaan wanita cantik dalam kalangan bangsawan sehingga akhirnya dimasukkan ke dalam penjara. Kemudian Allah swt melepaskan Yusuf as dan ayahnya dari segala penderitaan dan ujian tersebut sehingga mereka dipertemukan kembali dan dikembalikan penglihatan Ya’qub as (Ibnu ‘Adil, 1998). Selain itu, kisah yang terdapat di dalam Surah Yusuf berkaitan peranan Nabi Ya’qub a.s sebagai bapa ketika berhadapan dengan sikap anak-anak dapat dijadikan rujukan dan panduan dalam menangani konflik keluarga.

ISU KONFLIK KELUARGA NABI YA’QUB

Konflik terjadi pada setiap hubungan antara individu, termasuk dalam hubungan antara keluarga apabila berlaku pertentangan atau perbezaan persepsi dalam suatu peristiwa sosial. Konflik sering dipandang sebagai sifat permusuhan yang menjadikan hubungan menjadi tidak baik. Kisah-kisah yang mengandungi konflik banyak diceritakan dalam al-Qur`an seperti permulaan penciptaan manusia sendiri (Aldila, 2021). Adapun konflik dalam keluarga secara umumnya kerana perebutan kuasa, perhatian, harta, hak dan lain-lain (Damayanti, 2013). Konflik yang dimaksudkan dalam artikel ini adalah konflik sesama anak-anak dan antara ayah dan anak-anaknya. Di antara isu konflik yang timbul dalam keluarga Nabi Ya’qub adalah:

Isu Cemburu

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ ٤
قَالَ يُوسُفُ لَا تَقْصُصْ رُؤْيَاكَ عَلَيَّ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ٥

Mafhumnya: (Ingatlah), ketika Yusuf berkata kepada ayahnya: “Wahai ayahku, sesungguhnya aku bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan; kulihat semuanya sujud kepadaku”. Ayahnya berkata: “Hai anakku, janganlah kamu ceritakan mimpimu itu kepada saudara-saudaramu, maka mereka

membuat makar (untuk membinasakan)mu. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia”. (Yusuf; 4-5).

Ayat di atas menunjukkan dialog antara Nabi Yusuf dan Nabi Ya'qub (Shihab, 2000). Nabi Yusuf adalah salah seorang anak Nabi Ya'qub bin Ishaq bin Ibrahim as. Ibunya adalah Rahel, salah seorang dari empat orang isteri Nabi Ya'qub a.s. Ibu Nabi Yusuf meninggal dunia ketika melahirkan adiknya Benyamin. Rahel adalah isteri yang paling dicintainya, maka oleh sebab itu kecintaan kepada kedua anak Rahel terutamanya Yusuf melebihi kecintaan dirinya kepada anak-anaknya yang lain. Hal ini menimbulkan kecemburuan yang besar terhadap Nabi Yusuf. Al-Quran menceritakan tentang perjalanan Nabi Yusuf dengan sangat terperinci. Kisah tersebut dimulai apabila Nabi Ya'qub mencurahkan kasih sayang yang mendalam kepada keduanya melebihi kasih sayang kepada saudara-saudara Yusuf. Pada suatu malam, Yusuf bermimpi pelik melihat bintang-bintang, matahari dan bulan semuanya sujud kepada dirinya seolah-olah makhluk berakal yang menundukkan kepala bersujud dengan hormat. Al- Quran tidak menyebut secara pasti berapa umur Nabi Yusuf ketika bermimpi. Oleh sebab itu, Nabi Yusuf pun segera menyampaikan mimpi tersebut kepada ayahnya. Kata *ra-aitu* yang dituturkan oleh Yusuf adalah *fi'il madi* yang berasal dari kata *ra-a* bererti melihat iaitu *saya benar-benar telah melihat sebelumnya*. Penggunaan “*inni*” sesungguhnya aku” sebelum kata *ra-aitu* adalah sebagai *taukid* yang disampaikan Yusuf kepada ayahnya. Penggunaan kata *ra-aytuhum* merupakan pengulangan dari kata *ra-aitu* yang digunakan oleh Yusuf di mana selain bertujuan sebagai *taukid* juga untuk menggambarkan apa yang sebenarnya dilihat oleh dirinya. Kata *hum* menunjukkan *jamak* (plural) yang biasanya digunakan sebagai *taukid maknawi* untuk sesuatu yang bernyawa. Secara tersirat menunjukkan bahawa sebenarnya Yusuf melihat sekumpulan manusia yang sujud di hadapannya dan bukannya benda yang mati. Pernyataan ini juga di tegaskan oleh kata *saajidiin* yang merupakan *isim fa'il* seolah-olah menunjukkan pelaku yang bersujud adalah bulan, bintang dan matahari (Shabri, 2018).

Isu Rancangan Jahat

Isu rancangan jahat saudara-saudara Yusuf dapat diperhatikan dalam kumpulan ayat 11-14. Ayat-ayat ini merupakan bahagian awal daripada kisah Yusuf a.s. dan saudara-saudaranya. Kumpulan ayat-ayat ini menerangkan bagaimana Yusuf a.s. disingkirkan oleh saudaranya-saudaranya disebabkan oleh kecemburuan mereka terhadap Yusuf kerana mendapat perhatian lebih daripada ayah mereka. Hal ini dinyatakan dalam firman Allah s.w.t:

قَالُوا يَا أَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَنَّا يُوْسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَصِحُونَ ۝ ١١ أَرْسَلَهُ مَعَنَا غَدًا يَرْتَع وَيَلْعَب وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ۝ ١٢ قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِي أَنَّ تَذْهَبُوا بِهِ وَأَخَافُ أَنْ يَأْكُلَهُ الذِّئْبُ وَأَنْتُمْ عَنْهُ غَافِلُونَ ۝ ١٣
قَالُوا لَئِنْ أَكَلَهُ الذِّئْبُ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّا إِذًا لَّخَسِرُونَ ۝ ١٤

Mafhumnya: Mereka berkata: “Wahai ayah kami, apa sebabnya kamu tidak mempercayai kami terhadap Yusuf, padahal sesungguhnya kami adalah orang-orang yang mengingini kebaikan baginya. Biarkanlah dia pergi bersama kami

besok pagi, agar dia (dapat) bersenang-senang dan (dapat) bermain-main, dan sesungguhnya kami pasti menjaganya”. Berkata Ya’qub: “Sesungguhnya kepergian kamu bersama Yusuf amat menyedihkanku dan aku khawatir kalau-kalau dia dimakan serigala, sedang kamu lengah dari padanya”. Mereka berkata: “Jika ia benar-benar dimakan serigala, sedang kami golongan (yang kuat), sesungguhnya kami kalau demikian adalah orang-orang yang merugi”.(Yusuf; 11-14).

Mereka merancang untuk menyingkirkan Yusuf dengan membunuh atau membuangnya ke dalam perigi agar tidak menimbulkan kecurigaan. Setelah mereka menyusun rancangan, mereka meminta izin kepada ayah mereka, Ya’qub a.s. untuk membawa Yusuf bermain-main ke hutan. Namun begitu, Ya’qub a.s. menaruh rasa curiga terhadap mereka kerana kelakuan mereka tidak seperti biasa. Setelah sampai di hutan, mereka pun menjalankan rancangan jahat mereka terhadap Yusuf dengan membuangnya ke dalam perigi. Namun, sebelum mereka membuang Yusuf a.s, mereka mencabut pakaian yang dipakai oleh Yusuf ketika mereka membawanya pergi dari rumah (Shihab, 2002).

Isu putar belit cerita

قَالُوا يَا أَبَانَا إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِنْدَ مَتْعِنَا فَاكَلَهُ الذِّبَابُ وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا
صَادِقِينَ ١٧ وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ وَاللَّهُ
الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ١٨

Mafhumnya: Mereka berkata: “Wahai ayah kami, sesungguhnya kami pergi berlumba-lumba dan kami tinggalkan Yusuf di dekat barang-barang kami, lalu dia dimakan serigala; dan kamu sekali-kali tidak akan percaya kepada kami, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar”. Mereka datang membawa baju gamisnya (yang berlumuran) dengan darah palsu. Ya’qub berkata: “Sebenarnya dirimu sendirilah yang memandang baik perbuatan (yang buruk) itu; maka kesabaran yang baik itulah (kesabaranku). Dan Allah sajalah yang dimohon pertolongan-Nya terhadap apa yang kamu ceritakan”.(Yusuf; 17-18).

Kedua ayat ini merupakan komunikasi antara saudara-saudara Nabi Yusuf dengan ayah mereka ketika pulang daripada melakukan rancangan jahat terhadap Nabi Yusuf. Mereka berusaha meyakinkan ayah mereka bahawa Nabi Yusuf mati diterkam serigala dengan memutar belitkan cerita bahawa mereka lalai mengawasi Nabi Yusuf ketika bermain. Mereka juga membawa baju Nabi Yusuf yang dilumuri darah kambing seolah-olah itu adalah darah Nabi Yusuf kerana diterkam serigala. Saudara-saudara Nabi Yusuf lupa mengoyak baju Nabi Yusuf untuk menguatkan cerita rekaannya. Nabi Ya’qub dapat mengenal pasti keganjilan hal tersebut sehingga baginda mengetahui keadaan itu adalah rekaan semata-mata. Walaubagaimanapun, Nabi Ya’qub memilih untuk bersabar dan pasrah pada pertolongan Allah terhadap Nabi Yusuf daripada menuduh anak-anaknya tanpa bukti (Ar-Rifai, 1999; Ibn Kathir, 1994)

Isu Kepercayaan (Membawa Bunyamin)

فَلَمَّا رَجَعُوا إِلَىٰ أَبِيهِمْ قَالُوا يَا أَبَانَا مُنِعَ مِنَّا الْكَيْلُ فَأَرْسِلْ مَعَنَا آخَانًا نَّكَتَلُ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ٦٣
 قَالَ هَلْ ءَامَنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَا ءَامَنُتُمْ عَلَيَّ أَخِيهِ مِنْ قَبْلُ فَأَلَّهٖ خَيْرٌ حَفِظَٓا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ٦٤
 وَلَمَّا فَتَحُوا مَتْعَهُمْ وَجَدُوا بِضِئْتِهِمْ رُدَّتْ إِلَيْهِمْ قَالُوا يَا أَبَانَا مَا نَبْغِي هُدًىءَ بِضِئْتِنَا رُدَّتْ إِلَيْنَا وَنَمِيرُ
 أَهْلَنَا وَنَحْفَظُ أَخَانًا وَنَزِدَادُ كَيْلٌ بَعِيرٌ ذٰلِكَ كَيْلٌ يَسِيرٌ ٦٥

Mafhumnya: Maka tatkala mereka telah kembali kepada ayah mereka (Ya'qub) mereka berkata: “Wahai ayah kami, kami tidak akan mendapat sukatan (gandum) lagi, (jika tidak membawa saudara kami), sebab itu biarkanlah saudara kami pergi bersama-sama kami supaya kami mendapat sukatan, dan sesungguhnya kami benar benar akan menjaganya”. Berkata Ya'qub: “Bagaimana aku akan mempercayakannya (Bunyamin) kepadamu, kecuali seperti aku telah mempercayakan saudaranya (Yusuf) kepada kamu dahulu?”. Maka Allah adalah sebaik-baik Penjaga dan Dia adalah Maha Penyayang diantara para penyayang. Tatkala mereka membuka barang-barangnya, mereka menemukan kembali barang-barang (penukaran) mereka, dikembalikan kepada mereka. Mereka berkata: “Wahai ayah kami apa lagi yang kita inginkan. Ini barang-barang kita dikembalikan kepada kita, dan kami akan dapat memberi makan keluarga kami, dan kami akan dapat memelihara saudara kami, dan kami akan mendapat tambahan sukatan (gandum) seberat beban seekor unta. Itu adalah sukatan yang mudah (bagi raja Mesir)”. (Yusuf; 63-65).

Tiga ayat terawal di atas menceritakan tentang saudara-saudara Nabi Yusuf memberanikan diri meminta kepercayaan semula daripada ayah mereka untuk mengajak Bunyamin yang ketika itu menjadi penghibur Nabi Ya'qub setelah baginda kehilangan Nabi Yusuf. Hal tersebut disebabkan oleh permintaan Nabi Yusuf yang berkedudukan tinggi di Mesir untuk melakukan pertukaran dengan bahan makanan yang sedang sukar didapati kerana mengalami musim kekurangan bahan tersebut. Nabi Yusuf sudah mengenali mereka ketika menerima kedatangan saudara-saudaranya namun mereka tidak mengenali Nabi Yusuf. Walaupun bagaimanapun, Nabi Yusuf tetap bertanya tentang latar belakang dan asal-usul saudara-saudaranya serta melayani dengan baik tujuan kehadiran mereka. Nabi Yusuf memberikan syarat pada saudara-saudaranya sekiranya ingin melakukan pertukaran sekali lagi, mereka harus membawa Bunyamin sebagai bukti kebenaran cerita mereka. Jika permintaannya tidak dipenuhi, maka mereka tidak dapat sebarang pertukaran. Hal tersebut mendorong saudara-saudara Yusuf memberanikan diri meminta izin daripada Nabi Ya'qub untuk membawa Bunyamin ke perjalanan seterusnya. Nabi Ya'qub tidak mengizinkan secara serta merta dan mengingatkan anak-anaknya tentang peristiwa ketika baginda mengizinkan Nabi Yusuf kepada mereka. Hal ini dapat dilihat dalam ayat 66:

قَالَ لَنْ أُرْسِلَهُ مَعَكُمْ حَتَّى تُؤْتُونِ مَوْثِقًا مِنَ اللَّهِ لَتَأْتُنَّنِي بِهِ إِلَّا أَنْ يُحَاطَ بِكُمْ فَلَمَّا آتَوْهُ مَوْثِقَهُمْ
 قَالَ اللَّهُ عَلَى مَا نَقُولُ وَكِيلٌ ٦٦ وَقَالَ يُبْنِي لَكُمْ بَابًا يُدْخِلُونَهَا مِنْ أَيْتَابِ مِثْرَةَ
 وَمَا أُغْنِي عَنْكُمْ مِنَ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَعَلَيْهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُتَوَكِّلُونَ ٦٧

Mafhumnya: Ya'qub berkata: "Aku sekali-kali tidak akan melepaskannya (pergi) bersama-sama kamu, sebelum kamu memberikan kepadaku janji yang teguh atas nama Allah, bahawa kamu pasti akan membawanya kepadaku kembali, kecuali jika kamu dikepung musuh". Tatkala mereka memberikan janji mereka, maka Ya'qub berkata: "Allah adalah saksi terhadap apa yang kita ucapkan (ini)". Dan Ya'qub berkata: "Hai anak-anakku janganlah kamu (bersama-sama) masuk dari satu pintu gerbang, dan masuklah dari pintu-pintu gerbang yang berlain-lain; namun demikian aku tiada dapat melepaskan kamu barang sedikit pun dari pada (takdir) Allah. Keputusan menetapkan (sesuatu) hanyalah hak Allah; kepada-Nya-lah aku bertawakal dan hendaklah kepada-Nya saja orang-orang yang bertawakal berserah diri".(Yusuf; 66-67).

Namun begitu, akhirnya Nabi Ya'qub memberi keizinan dengan syarat anak-anaknya berjanji teguh atas nama Allah akan membawa kembali Bunyamin pulang dengan selamat. Nabi Ya'qub mengizinkan kerana tidak ada alasan untuk melarang Bunyamin pergi bagi memperoleh bahan makanan yang diperlukan (Ar-Rifai, 1999).

Isu Mencuri

أَرْجِعُوا إِلَىٰ آبَائِكُمْ فَاقُولُوا يَا أَبَانَا إِنَّ ابْنَكَ سَرَقَ وَمَا شَهِدْنَا إِلَّا بِمَا عَلَّمَنَا وَمَا كُنَّا لِلْغَيْبِ حَافِظِينَ
 ٨١ وَسَوَّلَ آلُ قَرْيَةِ آلِي كُنَّا فِيهَا وَالْعَيْرَ الَّتِي أَقْبَلْنَا فِيهَا وَإِنَّا لَصَادِقُونَ ٨٢

Mafhumnya: Kembalilah kepada ayahmu dan katakanlah: "Wahai ayah kami! Sesungguhnya anakmu telah mencuri, dan kami hanya menyaksikan apa yang kami ketahui, dan sekali-kali kami tidak dapat menjaga (mengetahui) barang yang ghaib. Dan tanyalah (penduduk) negeri yang kami berada di situ, dan kafilah yang kami datang bersamanya, dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar". (Yusuf; 81-82).

Ayat di atas menceritakan bahawa ketika rombongan saudara-saudara Yusuf kembali datang dengan membawa Bunyamin bersama, Nabi Yusuf memerintahkan salah satu pelayannya untuk meletakkan alat penyukat ke dalam karung Bunyamin seolah-olah alat tersebut hilang dicuri. Mereka melakukan siasatan dan menuduh rombongan saudara-saudara baginda mencurinya supaya saudaranya, Bunyamin, tidak boleh kembali pulang. Apabila mendapat tuduhan tersebut, saudara-saudara Yusuf bersumpah tidak melakukannya dan menyerahkan mengatakan kepada Nabi Yusuf sekiranya ada salah seorang daripada mereka

yang ditemui menyembunyikan alat tersebut. Perancangan Allah mengizinkan peristiwa tersebut terjadi supaya Bunyamin kembali bertemu saudaranya, Nabi Yusuf dan tinggal bersamanya. Saudara-saudara Yusuf yang lain tidak mampu meminta ihsan Nabi Yusuf untuk mengembalikan Bunyamin. Mereka mula putus asa kerana harus memikirkan cara untuk menjelaskan kejadian tersebut kepada ayahnya, Nabi Yaqub (Ar-Rifai, 1999). Rombongan saudara Yusuf kembali pulang kecuali salah seorang saudara yang paling tua yang dulu mencadangkan untuk membuang Nabi Yusuf. Saudara tertua ini mengingatkan saudara yang lain tentang peristiwa Nabi Yusuf dan bertekad tidak pulang sebelum ayahnya memberi keizinan. Dia juga menyuruh saudara-saudaranya supaya menceritakan kepada Nabi Ya'qub bahawa Bunyamin telah mencuri dan tidak boleh kembali pulang bersama mereka dan peristiwa tersebut adalah di luar jangkaan mereka (Sayyid Quthb, 2009).

Isu Mengakui Kesalahan

فَلَمَّا أَنْ جَاءَ الْبَشِيرُ أَلْفَهُ عَلَى وَجْهِهِ فَارْتَدَّ بِصَيْرٍ ۗ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ۙ ٩٦ قَالُوا يَا أَبَانَا اسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا إِنَّا كُنَّا خُطِيئِينَ ۙ ٩٧ قَالَ سَوْفَ أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّي إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ ۙ ٩٨

Mafhumnya: Tatkala telah tiba pembawa khabar gembira itu, maka diletakkannya baju gamis itu ke wajah Ya'qub, lalu kembalilah dia dapat melihat. Berkata Ya'qub: “Tidakkah aku katakan kepadamu, bahawa aku mengetahui dari Allah apa yang kamu tidak mengetahuinya”. Mereka berkata: “Wahai ayah kami, mohonkanlah ampun bagi kami terhadap dosa-dosa kami, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bersalah (berdosa)”. Ya'qub berkata: “Aku akan memohonkan ampun bagimu kepada Tuhanku. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang” (Yusuf; 96-98).

Anak-anak Nabi Ya'qub kembali menghadap Nabi Yusuf yang masih belum mereka kenali dengan tujuan yang sama iaitu untuk menukar barang mereka yang bernilai rendah dengan bekalan bahan makanan. Mereka juga meminta kebajikan Nabi Yusuf untuk mengembalikan Bunyamin demi ayah mereka. Mereka menceritakan kekeringan dan kekurangan bahan makanan yang mereka alami. Nabi Yusuf tersentuh hati dengan kesulitan yang sedang dialami oleh saudara-saudaranya terutama ayahnya sedangkan ketika itu baginda dalam keadaan sebaliknya iaitu memiliki kekuasaan dan kelapangan rezeki. Pertemuan kali ketiga tersebut mendorong Nabi Yusuf menceritakan tentang dirinya yang sebenar kepada saudara-saudaranya. Pengakuan tersebut mengejutkan saudara-saudaranya sehingga mereka mengakui kesalahan. Nabi Yusuf menenangkan saudaranya dengan mengatakan bahawa baginda memaafkan perbuatan mereka dan tidak mencaci atau menghina mereka malah memohon keampunan Allah terhadap saudara-saudaranya. Selepas itu, Nabi Yusuf meminta saudara-saudaranya untuk membawa pulang bajunya dan meletakkan baju tersebut di wajah ayahnya supaya ayahnya yang buta kerana kesedihan boleh melihat kembali. Sementara itu,

Nabi Ya'qub mengatakan kepada anak-anaknya yang masih tinggal bersama baginda bahawa baginda mencium bau Yusuf padahal jarak baginda dengan anak-anaknya adalah sejauh 8 hari perjalanan (Ar-Rifai, 1999). Setelah masa berlalu, mereka pun menyedari kesalahan mereka yang telah menyingkirkan Yusuf dari ayahnya, Ya'qub a.s. Mereka meminta maaf kepada ayah mereka terhadap perbuatan yang telah dilakukan kepada Yusuf a.s. dan mereka meminta kepadanya agar memohon ampun kepada Allah terhadap segala dosa-dosa mereka. (Shihab, 2002).

DAPATAN KAJIAN

Peranan Nabi Ya'qub dalam menangani konflik keluarga

Dapatan kajian menunjukkan perbincangan tentang peranan bapa dalam menangani konflik keluarga boleh diambil dari beberapa ayat yang secara langsung menceritakan interaksi antara Nabi Ya'qub dengan anak-anaknya. Ayat-ayat tersebut telah dibincangkan pada tajuk sebelum ini yang terdiri daripada 6 bahagian iaitu ayat 4-5, ayat 11-14, ayat 17-18, ayat 63-67, ayat 81-87 dan ayat 94-98. Hasil daripada pencerahan ayat-ayat tersebut menunjukkan peranan yang dimainkan oleh Nabi Ya'qub sebagai bapa adalah seperti berikut:

Hubungan rapat antara bapa dan anak (Ayat 4-5)

Mimpi yang dialami oleh setiap nabi adalah wahyu. Hal ini termasuk mimpi yang dialami oleh Nabi Yusuf yang diceritakan kepada ayahnya, Nabi Ya'qub. Dalam mimpinya, Nabi Yusuf melihat sebelas bintang, bulan dan matahari bersujud kepadanya (ayat 4). Nabi Ya'qub yang mendengar serta mengetahui tafsir mimpi tersebut meminta anak kesayangannya untuk tidak menceritakan mimpinya kepada saudara-saudara yang lain atas dasar bimbang keselamatan diri Nabi Yusuf. Hal ini disebabkan timbulnya kecemburuan dari saudara-saudaranya yang lain (ayat 5) (Sayyid Quthb, 2009). Tafsir mimpi tersebut terbukti 40 tahun kemudian ketika Nabi Yusuf yang berada di atas takhta bersama ibu bapanya sementara saudara-saudaranya berada di hadapannya merebahkan diri bersujud kepada baginda (Muhammad Nasib Ar-Rifai, 1999). Dua ayat di atas menunjukkan peranan bapa yang pertama, wujudnya hubungan rapat antara bapa dan anak serta sikap terus terang seorang anak terhadap bapa menimbulkan komunikasi yang baik dan terbuka.

Panggilan Hormat

Kedua, komunikasi tersebut terbina dengan penuh kasih sayang dan hormat. Hal ini dapat dilihat dari penggunaan panggilan yang digunakan oleh kedua belah pihak. Panggilan Nabi Yusuf a.s terhadap Nabi Ya'qub dengan "*yaa abati*" manakala Nabi Ya'qub menyebut anaknya dengan "*yaa bunayya*". (al-Sya'rawi, 2013). Dalam bahasa Arab, *bunayya* adalah bentuk *tashgir* dari *ibnii* (anakku), yang maknanya bukan untuk mengecilkan tetapi untuk menunjukkan rasa cinta dan kasih sayang dari pemanggilnya. Adapun *yaa abati* adalah sebuah panggilan penuh cinta sekaligus hormat dari seorang anak terhadap bapanya (Amr Khaled,

2006). Kedua panggilan tersebut melibatkan perasaan, emosi juga kasih sayang yang erat di antara keduanya.

Pendengar yang baik

Ketiga, pendengar yang baik untuk anak. Nabi Ya'qub memberikan perhatian terhadap cerita yang disampaikan oleh anaknya walaupun cerita tersebut hanyalah mimpi dan membalas cerita anaknya dengan penuh kasih sayang.

Pelindung dan penghindaran berlakunya konflik dalam keluarga

Keempat, menjadi pelindung bagi anak. Nabi Ya'qub mampu memikirkan kesan yang terjadi seandainya mimpi tersebut diceritakan kepada saudara-saudara Nabi Yusuf yang lain untuk menghindari agar tidak berlakunya kecemburuan dan konflik sesama mereka. Hal ini menunjukkan Nabi Ya'qub adalah seorang bapa yang memahami sikap anaknya dengan baik serta bertanggungjawab untuk melindungi mereka. Selain itu, larangan tersebut bertujuan tidak mahu sesuatu yang buruk berlaku kepada Nabi Yusuf a.s dan juga menjaga perasaan anak-anaknya yang lain. Baginda tidak mahu timbul hasad dengki dalam diri mereka sehingga terjerumus ke dalam kejahatan dengan bertindak menghapuskan Nabi Yusuf a.s. Kebimbangan tersebut adalah kerana kesemua mereka adalah anak-anaknya yang harus dilindungi (Amr Khalid 2006; Naili Zhafirah, 2016; Suaidi, 2020). Menurut Sayyid Qutb (1980), perintah Nabi Ya'qub ini adalah kerana baginda takut saudara-saudara Nabi Yusuf a.s dapat meramalkan rahsia masa depannya sehingga syaitan mampu memasuki hati mereka dan menimbulkan hasad dengki serta menghasut mereka merancang rancangan jahat untuk menyusahkan baginda. Hal ini kerana, perbuatan hasad dengki itu berasal daripada perasaan iri hati yang datangnya daripada syaitan (al-Razi 1997).

Cinta terhadap anak (Ayat 11-14)

Empat ayat tersebut menyambung kisah ketika saudara-saudara Nabi Yusuf merancang niat buruk terhadap Yusuf dan meminta izin kepada ayah mereka untuk mengajak Yusuf bermain bersama mereka dan berjanji menjaganya dengan baik. Mereka mengetahui bahawa ayahnya tidak pernah membiarkan Nabi Yusuf pergi bersama saudara-saudaranya menuju tempat yang sunyi atau jauh. Meskipun Nabi Ya'qub bersetuju dengan permintaan anak-anaknya, baginda tetap rasa bimbang dan takut tentang keselamatan Yusuf (as-Sa'di, 2007; ar-Rifai, 1999:). Ayat-ayat tersebut menunjukkan bahawa anak-anak Nabi Ya'qub meminta izin terlebih dahulu sebelum mereka mengajak adiknya, Nabi Yusuf untuk bermain bersama mereka. Selain itu, Nabi Ya'qub sebagai seorang bapa menunjukkan kecintaan sangat besar kepada Nabi Yusuf apabila bersedih kerana terpaksa berpisah walaupun hanya selama setengah hari sahaja (Sayyid Quthb, 2009).

Bersabar menghadapi sikap anak-anak(Ayat 17-18)

Tawakkal dan Tidak putus asa dengan pertolongan Allah

Ayat tersebut menunjukkan sikap sabar Nabi Ya'qub sebagai seorang ayah dalam menghadapi anak-anaknya dan sikap tawakal serta tidak putus asa dengan pertolongan Allah atas ujian yang dihadapi Nabi Yusuf dan dirinya. Kesabaran yang dibuktikan oleh Nabi Ya'qub apabila baginda tidak mengeluh kepada manusia, dan hanya menyerah kepada pertolongan dan kekuasaan Allah (as-Sa'di, 2007). Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bagaimana kesabaran Ya'qub a.s. ketika menghadapi sikap anak-anaknya yang jauh menyimpang dari kebenaran. Baginda tetap mencurahkan kasih sayang dan perhatian kepada saudara-saudara Yusuf walaupun baginda tahu mereka menyimpan perasaan cemburu dan benci kepadanya. Bahkan, baginda dengan sabar memberikan pengajaran kepada anak-anaknya tentang erti kesabaran.

Memberi Nasihat Dan Tawakal melepaskan Bunyamin (Ayat 63-67)

Ayat 63-67 menunjukkan bahawa setelah Nabi Ya'qub mendapat janji daripada anak-anaknya dan memberi izin untuk membawa Bunyamin, baginda menyiapkan segala kelengkapan rombongan. Di samping itu, baginda memberi nasihat untuk mengambil jalan tertentu supaya dapat menghindari rombongan anak-anaknya daripada gangguan orang-orang jahat. Kebimbangan tersebut disebabkan penampilan anak-anaknya yang menarik perhatian. Walaubagaimanapun, baginda tetap mengingatkan anak-anaknya bahawa nasihat baginda tidak mampu mengubah takdir Allah dan meminta mereka untuk bertawakal (as-Sa'di, 2007). Dalam susunan ayat ini, Nabi Ya'qub berhadapan dengan keadaan yang mengharuskannya memberi kepercayaan dan kesempatan kedua kepada anak-anaknya untuk membawa Bunyamin demi masalah yang lebih besar. Sebagai seorang bapa, Nabi Ya'qub juga memberi nasihat dan strategi perjalanan yang difikirkan lebih selamat serta mendidik sikap tawakal kepada anak-anaknya.

Bersabar dan berdoa (Ayat 81-87)

قَالَ بَلْ سَأَلْتُ لَكُمْ أَنْفُسَكُمْ أَمْرًا فَصَبْرًا جَمِيلًا عَسَى اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَنِي بِهِمْ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ
الْحَكِيمُ ٨٣ وَتَوَلَّى عَنْهُمْ وَقَالَ يَا سَفَى عَلَى يَوْسُفَ وَأَبِيضَتَ عَيْنَاهُ مِنَ الْحُزْنِ فَهُوَ كَظِيمٌ ٨٤

Mafhumnya: Ya'qub berkata: “Hanya dirimu sendirilah yang memandang baik perbuatan (yang buruk) itu. Maka kesabaran yang baik itulah (kesabaranku). Mudah-mudahan Allah mendatangkan mereka semuanya kepadaku; sesungguhnya Dialah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”. Dan Ya'qub berpaling dari mereka (anak-anaknya) seraya berkata: “Aduhai duka citaku terhadap Yusuf”, dan kedua matanya menjadi putih karena kesedihan dan dia adalah seorang yang menahan amarahnya (terhadap anak-anaknya). (Yusuf; 83-84).

Ayat di atas jelas menunjukkan kesan kesabaran Nabi Ya'qub apabila baginda tidak memarahi dan mencela anak-anaknya yang telah melakukan kesalahan yang serupa berulang kali ketika masih kecil dan dewasa. Baginda tetap mengasihi mereka dan menyimpan penderitaannya seorang diri (Hamka, 1965). Nabi Ya'qub menerima khabar mengenai Bunyamin serupa seperti ketika dahulu menerima khabar kehilangan anak kesayangannya, Nabi Yusuf. Baginda tetap bersabar dan pasrah kepada Allah serta berdoa supaya ketiga anaknya kembali iaitu Nabi Yusuf, Bunyamin dan anaknya yang paling tua memilih tidak pulang sebelum mendapat restu ayahnya (al-Rifai, 1999).

Tidak melepaskan kesedihan dan kekecewaan pada anak-anak

Kisah tentang keikhlasan Ya'qub a.s. ketika kehilangan kedua anaknya, Yusuf a.s. dan Bunyamin terkandung dalam ayat 86.

قَالَ إِنَّمَا أَشْكُوا بَثِّي وَخُزْيِي إِلَى اللَّهِ وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ٨٦ يُبَيِّنُ أَدْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ
يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْيِسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْيِسُ مِنَ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْكُفْرُونَ ٨٧

Mafhumnya: Ya'qub menjawab: “Sesungguhnya hanyalah kepada Allah aku mengadukan kesusahan dan kesedihanku, dan aku mengetahui dari Allah apa yang kamu tiada mengetahuinya”. Hai anak-anakku, pergilah kamu, maka carilah berita tentang Yusuf dan saudaranya dan jangan kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya tiada berputus asa dari rahmat Allah, melainkan kaum yang kafir” (Yusuf; 86-87).

Setelah kehilangan Yusuf a.s, Ya'qub a.s. kehilangan pula anak kesayangannya iaitu adik Yusuf a.s. Namun begitu, Ya'qub a.s. menyatakan bahawa baginda tidak berkeluh kesah kepada anak-anaknya atas kesedihan yang telah menyimpannya. Baginda juga berdoa dan mengadu kesusahan hanya kepada Allah kerana baginda yakin bahawa Allah yang Maha Kuasa sahaja yang mampu mengatasi kesulitan hamba-Nya. Ya'qub a.s juga menyatakan kepada anak-anaknya bahawa baginda adalah nabi yang lebih berpengetahuan dan mengenal Allah lebih dari mereka (al-Maraghi, 2006; al-Sabuni, 2009; Shihab, 2002). Justeru itu, jelaslah keikhlasan Ya'qub menerima ketentuan dengan berlapang dada ketika kehilangan kedua anak tercintanya. Ya'qub a.s. tidak merasa kesal atau marah kerana baginda sedar bahawa segala sesuatu itu adalah milik Allah. Nabi Ya'qub selalu menyerahkan segala kesedihannya kepada Allah dan bersabar dalam setiap keadaan derita yang dihadapinya. Baginda tidak melepaskan kesedihan dan kekecewaan terhadap anak-anaknya. Sikap inilah yang tetap menambahkan rasa hormat dan cinta daripada anak-anaknya. Baginda yakin satu masa pasti bertemu kembali dengan Nabi Yusuf iaitu apabila mimpi yang dialami anaknya dahulu menjadi kenyataan. Baginda lalu memerintahkan anak-anaknya untuk mencari khabar tentang keberadaan Nabi Yusuf dan dua anaknya yang lain. Baginda meminta anak-anaknya supaya tidak putus asa dan putus harapan (al-Rifai, 1999).

Menurut al-Shawkani (2004), kata “*al-baththu*” di dalam ayat merujuk kepada kedukaan yang amat berat. Oleh itu, Nabi Ya’qub a.s seolah-olah mengatakan “hanya kepada Allah aku mengadukan kesedihanku yang besar dan kedukaanku yang kecil, bukan kepada selain dari-Nya”. Al-Razi (1997) menjelaskan tindakan Baginda itu menunjukkan bahawa semakin berat musibah dan ujian yang dihadapi, semakin kuat kesabaran dan usaha Nabi Ya’qub dalam menahan kesusahan. Bahkan, Baginda tidak pernah mengeluh dan hanya mengadu halnya kepada Allah sebagai tempat yang layak melepaskan kesedihan. Ayat tersebut juga membuktikan penyerahan diri yang amat tinggi oleh Nabi Ya’qub terhadap Allah s.w.t yang tidak diketahui oleh anak-anaknya. Hal ini kerana, Baginda amat meyakini bahawa pertolongan Allah pasti datang untuk mempertemukan semula dengan anaknya Yusuf a.s (al-Qarni, 2007).

Memohon keampunan untuk anak (Ayat 94-98)

Kesalahan anak-anak Nabi Ya’qub dapat dilihat pada kata-kata yang dilontarkan kepada ayahnya dalam ayat 85:

قَالُوا تَاللَّهِ تَفْتُنَا تَذَكَّرُ يُوسُفَ حَتَّى تَكُونَ حَرَضًا أَوْ تَكُونَ مِنَ الْهَالِكِينَ ٨٥

Mafhumnya: Mereka berkata: “Demi Allah, senantiasa kamu mengingati Yusuf, sehingga kamu mengidapkan penyakit yang berat atau termasuk orang-orang yang binasa”.

Para ulama berpendapat bahawa kata-kata tersebut tidak patut ditujukan kepada seorang nabi, yang baginda masih keliru seperti dahulu. Hal ini disebabkan pengaruh dendam dan cemburu terhadap Nabi Yusuf sehingga kesedihan ayahnya tidak membuat mereka terasa, malah berkata sebaliknya (Sayyid Quthb, 2009). Namun Allah membuktikan bahawa kata-kata tersebutlah yang keliru apabila saudara-saudaranya datang dengan membawa baju Nabi Yusuf. Baju tersebut diletakkan ke wajah Nabi Ya’qub dan baginda pun kembali boleh melihat. Selepas itu, anak-anaknya mengakui kesalahan dan memohon supaya ayah mereka mengampuni kesalahan mereka. Nabi Ya’qub pun memaafkan mereka dan memohon ampun kepada Allah s.w.t. bagi anak-anaknya kerana baginda memang seorang ayah yang memiliki kesabaran yang tinggi (Shihab, 2002). Menurut sebahagian besar ulama tafsir, waktu Nabi Ya’qub a.s. memohon ampun kepada Allah atas kesalahan saudara-saudara Yusuf a.s. adalah waktu sahur kerana waktu sahur merupakan waktu mustajab. Namun, ada riwayat lain yang menyatakan bahawa waktu tersebut adalah hari Jumaat dengan harapan doa baginda lebih segera diterima (al-Sabuni, 2009).

Di sebalik tindakan Nabi Ya’qub a.s tersebut, tersingkap nilai *tarbiyyah* dan hikmah yang besar. Al-Zuhaily (1998) menyatakan, tindakan Baginda mendoakan anak-anaknya dan tidak tergesa-gesa memohonkan keampunan untuk mereka amat bersesuaian dengan peranan seorang bapa sebagai *murabbi* yang bertanggungjawab membimbing anak-anak ke jalan yang benar. Tujuan Baginda adalah untuk menyedarkan betapa besar dosa yang telah mereka lakukan terhadap dirinya, juga melibatkan saudara mereka Nabi Yusuf a.s dan Benyamin. Kesalahan

yang membawa kemudharatan yang amat besar. Tidak cukup hanya dengan meminta ampun, dosa yang demikian memerlukan kepada taubat *nasuha* dan penyesalan yang mendalam. Tindakan tersebut jelas menunjukkan usaha dan keikhlasan seorang ayah yang terbaik buat anak-anaknya. Pada penutup ayat ini, Nabi Ya'qub turut mengingatkan anak-anaknya tentang sifat Allah yang maha pengampun dan menerima taubat. Ini adalah satu bentuk *tarbiyyah* dari sudut tauhid yang dilakukan pada masa yang tepat.

KESIMPULAN

Bapa memainkan peranan penting dalam menyelesaikan konflik keluarga. Berdasarkan penelitian khusus terhadap peranan Nabi Ya'qub a.s sebagai seorang bapa yang diceritakan dalam Surah Yusuf, penulis mendapati peranan tersebut amat berguna untuk diaplikasikan oleh bapa terutama ketika berhadapan dengan konflik anak-anak dalam menangani cabaran kehidupan kontemporari. Di antara isu konflik yang timbul dalam keluarga Nabi Ya'qub adalah isu cemburu, rancangan jahat, putar belit cerita, kepercayaan dan lain-lain lagi. Namun begitu, Nabi Ya'qub telah mengetengahkan model bapa mithali Qurani melalui komunikasi yang baik, nasihat yang berguna, cinta dan sayang, kesabaran, tawakal, tidak putus asa, mengadu kesulitan dan kesusahan hanya kepada Allah, menghindari dan menjaga konflik, pemaaf dan pelindung terhadap anak-anak dan keluarga. Hal ini dapat dilihat berdasarkan nasihat Nabi Ya'qub a.s kepada Nabi Yusuf a.s supaya merahsiakan mimpinya untuk mengelakkan timbul hasad dengki saudara-saudara Baginda. Komunikasi yang baik dan kata-kata yang lembut mampu menenangkan jiwa, melembutkan hati sekali gus mendorong anak-anak menerima segala nasihat yang disampaikan dengan hati yang terbuka. Kesabaran bapa juga amat penting dalam menangani konflik keluarga. Kesalahan yang dilakukan anak-anak perlu ditegur secara baik dan berhemah, tanpa menyakiti jiwa mereka dengan kemarahan dan kata-kata kesat. Nabi Ya'qub tidak memarahi anaknya yang melakukan kesalahan, bahkan menekankan kesabaran yang sempurna, di samping meletakkan pengharapan yang tinggi terhadap pertolongan Allah. Begitu juga kesediaan Baginda memberi kemaafan dan memohonkan keampunan untuk anak-anaknya. Artikel ini diharap dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak terutama terhadap bapa dalam menangani konflik keluarga.

RUJUKAN

- Ahmad. (2013). *Mutawalli Al-Sya'rawi Dan Metode Penafsirannya: Studi Atas Surah Al-Maidah Ayat 27-34*. Jurnal al-Daulah, Vol 1, No 2. 120-134.
- Aldila Putri Bunga. 2021. *Konflik Keluarga Nabi Ya'qub As. Pada Surah Yusuf Dalam Tafsir Qabas Min Nur Al-Qur'an Al-Karim (Telaah Psikologi)*. IIQ. Jakarta.
- Amr Khalid. 2006. *Qiraah Jadidah wa Ru'yah fi Qasas al-Anbiya'*. Beirut :Dar al-Ma'rifah.
- Baharith, Adnan Hasan Shalih. 1991. *Mas'uliyah Abi al-Muslim fi Tarbiyyah Walad fi Marhalah alTufulah*. Jeddah: Darul Mustama'.
- Al-Baqiy, Karim Muhammad Fu'ad Abd. t.th. *al-Mu'jam al-Mufahras Li alfaz al-Quran al-Karim*. Kairo; Dar al-Hadis.
- Departemen Agama Republik Indonesia. 2002. *Al-Qur'an dan Terjemahannya*. Surabaya: Al-Hidayah.

- Al-Dimasyqi, Ibnu Adil. 1998. *Tafsir al-Lubab fi Ulum al-Kitab*. Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut.
- Hamka. 1965. *Tafsir al-Azhar*. Yayasan Norul Islam, Jakarta Indonesia.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar. 1994. *Tafsir Ibnu Katsir*. Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh (ed.). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i
- M. Quraish Shihab. 2002. *Tafsir al-Mishbah (Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an)*, Jakarta: Lentera Hati.
- Al-Maraghi, Ahmad Musthafa. 2006. *Tafsir al-Maraghi*, Juz 4. Beirut: Dar al-Fikri.
- Al-Qarni, Aidh Abdulah. 2007. *Nabi Yusuf dalam al-Quran*. Terj: Murtadho Ridwan. Kuala Lumpur : al- Hidayah Publication.
- Qutb, Sayyid. 2009. *Tafsir Fii Zhilalil Quran*. Jakarta: Robbani Press.
- Ratna Roshida & Nik Haslinda, "Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun." *Jurnal Kemanusiaan* 9 (2007):73-82.
- Al-Razi, Fakr al-Din. 1997. *Tafsir al Kabir*. Beirut: Dar al- Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Rifa'i, Muhammad Nasib. 1999. *Kemudahan Dari Allah: Ringkasan Tafsir Ibnu Katsir Jilid 2 (Surah a Maidah – an Nahl)*. Jakarta: Gema Insani.
- al-Sa'di, Syaikh Abdurrahman bin Nashir. 2007. *Tafsir al Quran Jilid 3*, Jakarta: Pustaka Sahifa.
- Shabri, Rahmadiani Aulia dan Irsyad. 2018. Peran Ayah dalam Mendidik Anak Berdasarkan Al-Qur'an (Tinjauan Tentang Tata Cara Para Nabi-nabi dalam Mendidik Anak). *Ilmu Pengetahuan Dan Pemikiran Keagamaan Tajdid*.
- Al-Shabuni, M. Ali. 2009. *Shafwah al-Tafasir*, Jil. 2. Beirut: al-Maktabah al-Ashriyyah.
- Al-Shawkani, Muhammad b Ali. 2011. *Tafsir Fath al-Qadir*. Terj: Amir Hamzah Fachruddin. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Wardyaningrum, Damayanti. 2013. *Komunikasi untuk Penyelesaian Konflik dalam Keluarga: Orientasi Percakapan dan Orientasi Kepatuhan*.*Al-Azhar Indonesia Seri Pranata Sosial*. 1: 52.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2010. *Sistem Kekeluargaan dlam Islam*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.